

Lawatan Delegasi MTUCN ke Thailand 29 hb November – 2 hb Disember, 2005

'Malaysian Technical University College Network' (MTUCN) telah ditubuhkan secara tidak rasmi dalam bulan September, 2005. Antara objektif penubuhannya ialah menjalin jaringan yang kukuh bukan sahaja antara keempat-empat anggota MTUCN (KUiTTHO, KUTKM, KUKTEM dan KUKUM), tetapi juga dengan universiti-universiti luar negara yang mengamalkan falsafah pendidikan yang hampir serupa dengan apa yang diamalkan di MTUCN, khususnya dari aspek pendekatan pengajaran-pembelajarannya yang lebih bersifat 'practical-oriented'/'lab-intensive'.

Pihak Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi telah mengenalpasti kelompok 'Rajamangala University of Technology' di Thailand sebagai calon di mana kerjasama erat boleh diadakan dengan MTUCN. Ini kerana sebagaimana universiti-universiti anggota MTUCN, pendekatan pengajaran-pembelajaran yang diamalkan adalah mirip kepada pendekatan yang diamalkan di Fachshuler, Jerman. Terdapat 9 buah universiti di bawah payung Rajamangala, dan sekiranya kesembilan-sembilan ini dapat menjalin hubungan yang akrab dengan empat buah universiti anggota MTUCN, maka sebuah konsortium yang terdiri daripada 13 buah universiti di Malaysia dan Thailand akan dapat dibentuk dengan cepat. Atas premis utama ini, satu lawatan ke Thailand telah diadakan.

Selain Rajamangala, penganjur lawatan (KUiTTHO) telah mengatur untuk mengadakan lawatan ke tiga buah universiti lain, iaitu Asian Institute of Technology (AIT), King Mongkut's Institute of Technology, dan University of Chiangmai.

Objektif program lawatan ke Thailand ini adalah untuk mengenal dan seterusnya menjalin hubungan akademik dan penyelidikan dengan universiti-universiti di Thailand, khususnya kelompok universiti Rajamangala, untuk mengkaji sistem akademik yang diamalkan di universiti-universiti di Thailand, agar dapat dibandingkan dengan amalan di Malaysia. Ini bagi menambahbaik amalan di Malaysia dan untuk berkongsi pengalaman universiti-universiti anggota MTUCN dengan universiti-universiti di Thailand agar amalan 'best practice' atau 'lessons learned' daripada projek-projek yang dilalui dapat dimanfaatkan bersama.

Lawatan telah dilakukan pada 29 hb November hingga 2 hb Disember. Antara universiti-universiti yang dilawati ialah Asian Institute of Technology (AIT), Bangkok, King Mongkut's Institute of Technology, Ladkrabang (KMITL), Rajamangala University of Technology, Tanyaburi (RMUTT), Rajamangala University of Technology, Lanna (RMUTL), Chiangmai, University of Chiangmai, Chiangmai. Anggota delegasi terdiri daripada Rektor keempat-empat anggota MTUCN, serta pegawai-pegawai kanan universiti. Setiap universiti menghantar 3-4

Berita KUKUM

orang ahli delegasi. Ketua delegasi ialah Y Bhg Profesor Ismail Hj Bakar, Rektor KUITTHO.

Setiap lawatan ke universiti diisi dengan sesi dialog/perbincangan pada awalnya, diikuti dengan lawatan ke makmal-makmal. Semasa sesi dialog/perbincangan, pengenalan dan pembentangan mengenai universiti-universiti anggota MTUCN diberikan. Universiti hos juga memberikan pembentangan dan penerangan tentang dirinya, dan diikuti pengenalan semua staf yang hadir semasa sesi.

Dalam kesemua sesi perbincangan, kerjasama dalam perkara-perkara berikut telah dibincangkan:

(5.1) Program pertukaran pelajar (prasiswazah atau ijazah tinggi) semasa semester biasa atau semasa Latihan Industri, dengan pemindahan kredit atau tanpa pemindahan kredit.

(5.2) Program pertukaran staf akademik

(5.3) Pengajian tinggi staf Malaysia ke Thailand dan staf Thailand ke Malaysia

(5.4) Penyelidikan bersama antara universiti di Malaysia, Thailand, dan sebuah negara Eropah, bagi mendapatkan peluang untuk pembiayaan daripada Eropah

Lawatan ke Thailand pada 29 Nov – 2 Dis, 2005 merupakan langkah pertama dalam usaha membentuk satu kerjasama dengan universiti-universiti di Thailand. Dengan adanya kerjasama yang produktif, 'critical mass' yang kini tiada pada universiti-universiti anggota MTUCN (disebabkan usianya yang muda) dapat diatasi dengan sewajarnya. Walaubagaimanapun, tindakan susulan yang agresif hendaklah dilaksanakan sebelum usaha ini berjaya. Tindakan susulan yang bersepadu serta optima boleh dilaksanakan melalui platform yang disediakan oleh MTUCN.